

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN SHAHANIM BINTI MOHAMAD YUSOFF

TARIKH : 3 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 27

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status terkini projek Jalur Lebar Kelajuan Tinggi (HSSB) di seluruh negara terutama di negeri Kedah dan setakat mana peningkatan kelajuan internet di kawasan bandar dan pinggir bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Mac 2016, Kementerian telah melaksanakan sebanyak 1,811,952 sambungan port di seluruh negara di bawah projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) fasa 1. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28,870 sambungan port telah dilaksanakan di negeri Kedah.

SOALAN NO: 27

Manakala, di bawah projek HSBB fasa 2 pula, sebanyak 135,094 sambungan port di seluruh negara dengan sebanyak 8,264 sambungan port daripadanya adalah dilaksanakan di negeri Kedah.

Pada masa kini, bagi kawasan yang mempunyai perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (*High Speed Broadband* – HSBB), kelajuan Internet yang boleh dicapai adalah sehingga 100Mbps. Selain itu, bagi kawasan yang mempunyai perkhidmatan Jalur Lebar Pinggir Bandar (*Sub-Urban Broadband* – SUBB), kelajuan Internet boleh mencapai sehingga 20Mbps berbanding dengan kawasan luar bandar di mana kelajuan Internetnya boleh mencapai sehingga 4Mbps di bawah projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB). Manakala, bagi perkhidmatan mudah alih pula, perkhidmatan LTE boleh mencapai kelajuan sehingga 100Mbps.

Dengan adanya pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, didapati pelbagai kemajuan dan peningkatan telah dicapai dari segi memberi nilai tambah kepada kegiatan ekonomi setempat dalam peningkatan pemasaran produk-produk pertanian dan luar bandar di samping dapat menyediakan komunikasi yang lebih cekap dan berkesan dalam pelbagai urusan termasuklah pengurusan bencana, peningkatan pembelajaran pelajar, perniagaan dan sebagainya.